



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28/11/2012

Anwar dan Israel

UM - 28/11/12

ANWAR telah menyatakan dalam *The Wall Street Journal* yang berbunyi, "I support all efforts to protect the security of the state of Israel" ("Saya sokong semua usaha untuk melindungi keselamatan Negara Israel.")

Sejak Israel didirikan di atas wilayah milik orang Palestin, Israel menjelaskan dan mempertahankan segala tindakannya ke atas rakyat Palestin dan wilayah Palestin sebagai usaha untuk melindungi keselamatan Israel.

Antara tindakan Israel yang didakwa olehnya sebagai melindungi, mempertahankan dan menyelamatkan Israel ialah:

- Membunuh beramai-ramai Arab Palestin seperti di Deir Yassin supaya Arab Palestin keluar dari wilayah yang dihadiah oleh British kepada Zionis untuk menjadi negara mereka.

- Tidak membenarkan orang Palestin yang dihalau keluar ini kembali ke wilayah yang dikuasai Israel.

- Menembak dan membunuh penyer-taan intifada yang membaling batu, termasuk kanak-kanak.

- Memperluaskan wilayah Israel melalui

**TUN DR.
MAHATHIR
MOHAMAD
MENULIS**



serangan ketenteraan.

- Membina beratus *settlement* (*penempatan*) Yahudi di atas wilayah Palestin.

- Membekal pemastautin Yahudi dalam *settlement* ini dengan senjata untuk mempertahankan *settlement*.

- Mengadakan beratus *road block* untuk menghalang perjalanan orang Palestin dalam kawasan orang Palestin.

- Melambatkan proses membenarkan rakyat Palestin berjalan sehingga yang sakit tidak sempat ke hospital dan yang mengandung melahirkan anak di *road block*. Anak kerap mati dan ibu berdarah sehingga meninggal dunia.

- Membedil kawasan Palestin tanpa sebab supaya Arab Palestin tinggalkan wilayah mereka dan Palestin, kemudian dimiliki sepenuhnya oleh Israel.

- Menembak roket untuk membunuh seorang pesakit di atas kerusi roda dan seorang pemimpin Hamas di Gaza.

- Mengepung kem pelarian Shatilla di Lebanon dan mengarah tentera selatan Lebanon yang terdiri daripada orang Kristian untuk membunuh 2,500 pelarian Palestin. Satu daripada pelarian Palestin yang terselamat menceritakan kepada Suruhanjaya Pengadilan Palestin yang diadakan di Kuala Lumpur pada 21 November 2012 bagaimana askar memasukkan semua ahli keluarganya ke dalam rumah, kemudian mengarah orang lelaki keluar dan berdiri menghadap dinding rumah dan mereka ditembak mati, termasuk bapanya dan suaminya. 28 ahli keluarganya ditembak mati sebegini.

- Menghancurkan kampung Jenin dengan serangan bersenjata dan jentolak untuk robohkan rumah dengan penduduk masih berada di dalam.

- Membedil dan menyerang Genting Gaza sehingga musnah hospital dan sekolah pada 2006. Seorang wanita Amerika yang menghalang jentolak daripada memusnahkan sebuah rumah, dilanggar dan digelek hingga mati wanita berkenaan. Mahkamah Israel mendapati askar yang memandu jentolak itu tidak bersalah.

- Menyekat kapal-kapal yang membawa ubat, makanan dan bahan binaan daripada menghampiri Gaza. Dua kapal milik Perdana Global Peace Foundation dan sebuah kapal Turki diserang di perairan antarabangsa. Sembilan orang pekerja amal Turki yang berada di atas kapal Mavi Marmara ditembak mati.

- Sekatan ke atas Gaza dikenakan sehingga sekarang walaupun ia haram dari segi undang-undang antarabangsa.

- Baru-baru ini Israel melancarkan roket untuk membunuh seorang ketua Hamas. Apabila Gaza melancarkan serangan balas dengan roket, Israel membalas dengan melancarkan roket dan bom ke atas Gaza. Seramai 160 orang terbunuh kerana tindakan Israel.

Semua ini dan keganasan lain lagi di-

dakwa oleh Kerajaan Israel adalah untuk keselamatan (sekuriti) Israel.

Semua ini, mengikut Anwar Ibrahim disokong olehnya kerana semua ini adalah "efforts to protect the security of Israel" (usaha untuk melindungi keselamatan Israel).

Apa lagi bukti yang dikehendaki oleh ahli Parti Keadilan Rakyat dan Pas untuk tidak mempercayai yang Anwar Ibrahim adalah penyokong Israel.

Menyokong Anwar samalah dengan menyokong Israel. Orang ini berlagak sebagai pejuang Islam untuk sokongan penyokong Pas.

Tetapi untuk menjadi Perdana Menteri, menyertai UMNO dan mengutuk Pas. Kemudian apabila digugur oleh UMNO, menyokong Pas semula.

Orang yang mudah melompat dari parti ke parti, tidak sukar lompat dari Palestin ke Israel, dari Islam ke Yahudi.

**IKUTI RENCANA TUN DR. MAHATHIR
MOHAMAD ESOK - 'TAKSUB-ASSABIYAH'**